

Research Article

Strategi dan Teknik PdPc bagi Mengendalikan Murid Berkeperluan Khas Ketidakupayaan Pendengaran dalam Pendidikan Inklusif

Mohd Razimi Husin¹, Acidah Farhana Nor Rahmat¹, Afina Fashihah Rosle¹, Fairuz Syakirah Mohamad Hassan¹, Farah Shamimi Mat Nawi¹, Melisa Abraham Abiraham¹, Noorshaqilah Abd Rahman¹, Nurul Atikah Mohamad Razman¹, Nur Batrisyia Syazwana Khairulnauar¹, Nur Hadirah Hassan Basari¹, Umi Syahzani Haziqah Suhaili¹, Siti Fatimah Malik²

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

² Department of Education, Sekolah Tinggi Ilmu Sosial, Ilmu Hukum & Politik Ar-Rahmah. Bintan, Indonesia.

Article History

Received:

03.07.2023

Revised:

30.07.2023

Accepted:

25.08.2023

*Corresponding Author:

Mohd Razimi Husin

Email:

razimi@fpm.upsi.edu.my

This is an open access article,
licensed under: CC-BY-SA



Abstrak: Setiap individu mempunyai hak yang sama terhadap peluang pendidikan, termasuklah mereka yang mempunyai ketidakupayaan (Murid Berkeperluan Khas). Dijelaskan bahawa 58% daripada pelajar pekak pendengaran atau berketidakupayaan pendengaran di Malaysia telah mendaftar dalam pendidikan inklusif. Pendidikan inklusif membuktikan pendekatan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia berusaha untuk memberi hak sama rata kepada setiap warga dan rakyat Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada pedagogi yang khusus untuk MBK kecuali untuk murid kurang upaya pendengaran atau penglihatan. Namun, proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru menentukan kesesuaian pengajaran dari segi hasil yang dapat dilihat oleh setiap pelajar MBK. Antara strategi pengajaran guru dalam pendidikan inklusif ialah mengenal dan mengambil tahu tentang murid MBK serta menyediakan proses PdP yang berpusat kepada setiap murid termasuk murid MBK.

Kata Kunci: Murid Berkeperluan Khas, Pembelajaran Berpusatkan Murid, Pembelajaran dan Pengajaran.

PdPc Strategies and Techniques for Handling Special Needs Students with Hearing Impairment in Inclusive Education

Abstract: Every individual has the same right to educational opportunities, including those with disabilities (Students with Special Needs). It was explained that 58% of deaf or hard of hearing students in Malaysia have enrolled in inclusive education. Inclusive education proves the approach of the Malaysian Ministry of Education to give equal rights to every citizen of Malaysia. The findings of the study show that there is no specific pedagogy for Students with Special Needs except for students with hearing or visual disabilities. However, the teaching and learning process carried out by teachers determines the appropriateness of teaching in terms of results that can be seen by every Students with Special Needs student. Among the teaching strategies of teachers in inclusive education is to get to know and learn about Students with Special Needs students as well as provide a Teaching & Learning process centered on each student including Students with Special Needs students.

Keywords: Student Centered Learning, Students with Special Needs, Teaching and Learning.



1. Pendahuluan

Pendidikan merupakan satu wadah yang penting dalam menyumbang kepada kemajuan sesebuah negara. Sistem pendidikan sentiasa di naik taraf dari semasa ke semasa, bertujuan untuk memperkembangkan potensi seseorang individu dalam mempelajari sesuatu ilmu yang baharu tanpa ada sebarang ketidakadilan terhadap mana-mana pihak. Setiap individu mempunyai hak yang sama terhadap peluang pendidikan, termasuklah mereka yang mempunyai ketidakupayaan. Lantaran itu, Malaysia telah melaksanakan Program Pendidikan Inklusif (PPI) untuk membantu golongan MBK daripada pelbagai kategori termasuklah MBK ketidakupayaan pendengaran.

Zarina Abd Aziz [1] menyatakan bahawa 58% daripada pelajar pekak pendengaran atau berketidakupayaan pendengaran di Malaysia telah mendaftar dalam pendidikan inklusif, termasuk pelajar implan koklea, dan sejajar dengan sasaran PPM gelombang ketiga 2013-2025 iaitu 75% MBK mendaftar dalam program integrasi menjelang 2025 (KPM 2012). Maka, pendidikan inklusif untuk murid bermasalah pendengaran berupaya menjadi pengalaman yang sangat positif untuk MBK tersebut, dan memberikan peluang kepada mereka untuk memperoleh hak pendidikan yang sama dengan murid-murid yang lain di arus perdana dan mempunyai masa depan yang lebih cerah, walaupun mempunyai kekurangan dari segi pendengaran.

Menurut Rosnah Nining Sidek dan Bustam Damam [2], pendidikan inklusif menawarkan MBK peluang yang adil untuk berada dalam persekitaran masyarakat atau realiti sebenar melalui sistem pendidikan. Menerusi sistem ini, pelajar dapat berinteraksi dalam kepelbagaian persekitaran dan mempersiapkan diri berhadapan dengan kehidupan realiti pada masa hadapan. Hasil dapatan penyelidikan menyatakan bahawa kanak-kanak menunjukkan prestasi yang lebih baik dari segi akademik dan sosial apabila mereka belajar dalam persekitaran yang sama. Oleh itu, pendidikan inklusif bukan sahaja harus dilaksanakan di sekolah terpilih tetapi di semua sekolah dan pusat biasa untuk memudahkan akses kepada pendidikan untuk golongan berkeperluan khas.

Selari dengan ini, Artikel 28 dalam Akta Orang Kurang Upaya [3], telah menyatakan dengan jelas dimana murid berkeperluan khas ini berhak untuk mendapatkan peluang pendidikan yang sama rata dengan kanak-kanak yang normal tanpa diskriminasi atau dikecualikan. Sokongan dan kerjasama antara pihak sekolah, ibu bapa, pihak kerajaan dan masyarakat dapat membantu menjayakan PPI dengan lebih berkesan. Buktinya, jumlah keseluruhan BMK pada tahun 2013 dan tahun 2014 masing-masing adalah 56,406 orang murid dan 58,006 orang murid, manakala jumlah MBK yang telah dimasukkan dalam PPI adalah seramai 5,376 orang murid. Ini menunjukkan kadar 9.60 peratus pada tahun 2013 meningkat kepada 10,700 orang murid iaitu sebanyak 18.44 peratus pada tahun 2014 [4].

Secara keseluruhan, guru arus perdana yang melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam PPI ini perlu sentiasa bersabar dan bersikap terbuka dalam menghadapi cabaran menangani MBK. Selain itu, guru-guru terlibat juga sewajarnya mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya dalam konteks pengurusan MBK dan pendidikan inklusif supaya dapat menjana suasana pembelajaran yang berkesan, sistematik dan kondusif. Sehubungan dengan itu, mereka perlu mempelbagaikan alternatif yang bersesuaian dari segi aktiviti, bahan bantu mengajar, bahan pembelajaran dan kemudahan untuk mendorong atau memberi motivasi kepada MBK, sekali gus menjayakan Program Pendidikan Inklusif (PPI).

2. Kajian Literatur

2.1. Maklumat Kategori Murid Berkeperluan Khas

Mengikut Akta Pendidikan 1996, Murid Berkeperluan Khas (MBK) dapat ditakrifkan sebagai murid-murid yang mempunyai kecacatan dari segi penglihatan, pendengaran atau masalah pembelajaran. Manakala dalam pindaan Akta Pembelajaran 2013-pula menyatakan bahawa Murid Berkeperluan Khas (MBK) sebagai murid yang diperakui oleh ahli pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi, atau mana-mana pihak yang berkaitan yang didaftarkan secara sah, sebagai murid yang mengalami ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran, atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan yang telah dinyatakan.

Kebiasaannya, MBK akan dimasukkan ke dalam kelas Pendidikan Khas, yang merupakan salah satu jenis kemudahan pendidikan yang ditawarkan kepada pelajar berkeperluan khas atau istimewa. Dalam pada itu, Murid Berkeperluan Khas merujuk kepada murid yang mempunyai kelainan daripada murid-murid biasa dari pelbagai aspek kehidupan. Mereka dikategorikan sebagai Orang Kelainan

Upaya (OKU) kerana mengalami perbezaan atau kekurangan sama ada dari aspek fizikal mahupun mental.

Menurut Harlida Wahab [5], Akta OKU 2008 telah menyatakan dengan jelas dimana kanak-kanak berkeperluan khas ini berhak memperoleh peluang pendidikan yang sama rata tanpa diskriminasi atau dikecualikan. Justeru, sekolah selaku institusi pendidikan utama memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan MBK tetap memperoleh hak-hak pendidikan yang sepatutnya diperoleh oleh mereka dengan menyediakan sistem atau silibus pembelajaran dan persekitaran yang sepatutnya. Sehubungan itu, Program Pendidikan Inklusif (PPI) telah diperkenalkan oleh sistem pendidikan Malaysia bagi memberi peluang pendidikan yang sama rata buat MBK tanpa mengira unsur kecacatan yang wujud dalam diri mereka. Program Pendidikan Inklusif juga merupakan salah satu inisiatif pihak kerajaan dalam menggalakkan penyertaan MBK untuk turut sama memperoleh pendidikan di dalam bilik darjah yang sama dengan rakan mereka yang normal.

Murid-murid berkeperluan khas yang diintegrasikan ke dalam PPI terdiri daripada pelbagai kategori, antaranya termasuklah kategori masalah fizikal seperti kecacatan anggota badan, masalah pembelajaran khusus Disleksia, masalah emosi dan tingkah laku seperti Autisme dan ADHD, juga tidak ketinggalan masalah penguasaan kemahiran 3M iaitu membaca, menulis, dan mengira. Penglibatan MBK di dalam kelas atau bilik darjah yang sama dengan murid tipikal yang lain ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar berkelainan upaya agar dapat meningkatkan dan memperkembangkan potensi yang wujud dalam diri mereka ke aras yang lebih optimum selaras dengan konsep 'Pendidikan Untuk Semua'. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak berkeperluan khas juga mempunyai kemampuan dan kebolehan mereka yang tersendiri. Walaupun secara dasarnya mereka dikategorikan sebagai individu yang mempunyai kecacatan, namun ini tidak bermakna bahawa keperluan pembelajaran mereka turut diabaikan.

Pendidikan inklusif untuk MBK terbahagi kepada dua kategori iaitu pendidikan inklusif penuh dan pendidikan inklusif separa. Inklusif penuh adalah murid berkeperluan khas yang dipilih untuk mengikuti semua subjek dalam kelas biasa manakala inklusif separa adalah murid berkeperluan khas yang hanya mengikuti subjek yang tertentu atau terpilih sahaja. Namun nama kedua-dua kategori murid ini masih kekal dalam pendaftaran kelas pendidikan khas. Jika terdapat masalah murid berkeperluan khas dalam kelas biasa, guru kelas biasa tersebut boleh merujuk dan mendapatkan bantuan daripada guru pendidikan khas. Murid berkeperluan khas dalam pendidikan inklusif penuh juga mempunyai peluang untuk menduduki peperiksaan awam. Penentuan kelayakan murid pendidikan khas sama ada untuk berada dalam kategori inklusif separa atau inklusif penuh bergantung kepada peranan seseorang guru yang bertanggungjawab dalam menentukan hal ini.

Pelaksanaan pendidikan inklusif mempunyai kepentingannya yang tersendiri daripada pelbagai aspek terutamanya aspek kognitif. Tidak semua murid berkeperluan khas itu mempunyai masalah dari segi kekurangan mental dan lemah dalam pembelajaran. Oleh yang demikian, pengimplimentasian PPI untuk golongan MBK ini amatlah penting untuk dilaksanakan kerana mereka juga mempunyai keupayaan yang tersendiri atau mungkin juga kebolehan yang luar biasa. Sebagai contoh, murid berkeperluan khas yang mengalami kecacatan fizikal seperti masalah pendengaran (pekak) masih berpeluang untuk belajar di dalam kelas biasa bersama rakan-rakan sebayanya yang lain. Walaupun keupayaan anggota dan pancainderanya terhad, namun tahap keupayaan IQ MBK tersebut masih normal. Malah, ada di antara mereka yang mempunyai tahap IQ yang lebih tinggi berbanding rakan sebayanya yang lain. Justeru, pelaksanaan program pendidikan inklusif ini berpotensi membantu dalam membangunkan keupayaan murid OKU yang selalu dianggap 'kurang' oleh segelintir masyarakat.

2.2. Strategi Guru Mengajar MBK Ketidakupayaan Pendengaran

Pendidikan Inklusif adalah pendekatan yang penting dalam memberikan peluang pendidikan atau pembelajaran yang setara bagi semua murid, termasuk murid berkeperluan khas (MBK). Sebagai guru, mengendalikan MBK dalam konteks pendidikan inklusif memerlukan strategi yang tepat dan efektif. Terdapat beberapa strategi penting yang dapat digunakan oleh seorang guru dalam mengendalikan MBK. Antaranya, seorang guru harus meluangkan waktu untuk mengenal setiap murid secara individu dan menyediakan bahan pentaksiran yang sesuai [6], [7] Setiap MBK memiliki keperluan yang unik, sama ada dari segi keperluan pembelajaran, keperluan sosial, ataupun keperluan fisik. Dengan memahami keperluan khusus setiap murid, guru dapat merancang strategi yang sesuai untuk membantu mereka belajar secara efektif.

2.2.1. Kepelbagaian Kaedah Komunikasi - Penggunaan Bahasa Isyarat atau Ejaan Jari dan Pertuturan Kiu (*Cued-Speech*)

Bagi MBK ketidakupayaan pendengaran ataupun bermasalah pendengaran, pelbagai strategi mengajar yang menarik dan relevan dapat dilaksanakan supaya mereka dapat mengalami situasi pembelajaran yang lebih kondusif dan berkesan. Sebagai contohnya, guru boleh menggunakan kaedah berinteraksi dengan MBK ketidakupayaan pendengaran menerusi bahasa isyarat seperti Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) digunakan secara meluas oleh individu yang mengalami pekak pendengaran di Malaysia, Ejaan Jari mahupun Pertuturan Kiu (*Cued-Speech*).

Guru perlu mempelajari dan mengasas kemahiran mereka dalam kaedah berinteraksi yang bersesuaian dengan MBK ketidakupayaan pendengaran seperti yang dinyatakan agar dapat menyelesaikan sebarang isu komunikasi dan meningkatkan kefahaman pelajar MBK tersebut ketika sesi pembelajaran berlangsung. Kaedah yang digunakan juga sewajarnya bersesuaian dengan tahap penerimaan murid tersebut. Selain itu, teknik bacaan bibir juga boleh diterapkan kepada MBK kategori ini di mana mereka perlu meneliti dan membaca setiap pergerakan bibir individu lain dan mengaitkannya dengan kata yang perlu diucapkan. Dalam konteks ini, guru harus memperlakukan kelajuan percakapan agar murid tersebut berupaya membaca pergerakan bibir.

2.2.2. Merancang PdP Berpusatkan Murid dan Berasaskan Teknologi

Seterusnya, seseorang guru boleh merancang pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Ini bermaksud guru perlu mengadaptasi kaedah pengajaran, bahan dan penilaian yang tepat agar sesuai dengan keperluan MBK. Dengan menggunakan pendekatan yang relevan bagi MBK ketidakupayaan pendengaran dan murid-murid lain, guru dapat menyesuaikan konteks dan bahan pembelajaran yang efektif dengan gaya belajar dan tahap kemampuan setiap murid. Misalnya, guru dapat menggunakan teknologi sebagai alat bantu pembelajaran, memberikan penjelasan yang lebih mendalam, serta menyediakan latihan tambahan untuk membantu MBK dalam mencapai tujuan pembelajaran.

Bagi MBK yang mengalami masalah pendengaran tetapi tidak sepenuhnya pekak pendengaran, guru boleh menggunakan alat pembesar suara, dan video bersertakan sari kata atau tambahan penggunaan bahasa isyarat mahupun ejaan jari pada video asal yang digunakan sebagai bahan pembelajaran. Perkara ini dapat meningkatkan kefahaman bagi MBK ketidakupayaan pendengaran sama ada separa ataupun sepenuhnya.

2.2.3. Kolaborasi Bersama Pihak Profesional dan Ibu Bapa MBK

Di samping itu, guru boleh berkolaborasi bersama pihak profesional pendidikan inklusif dalam mengendalikan MBK. Dalam konteks ini, guru dapat bekerjasama dengan pihak profesional yang relevan dan berkelulusan yang sesuai untuk mendapatkan wawasan dan strategi yang lebih lanjut dalam menghadapi cabaran dalam mengajar MBK. Kolaborasi ini dapat membantu guru mengembangkan rencana pembelajaran yang lebih efektif dan memberikan sokongan tambahan yang diperlukan untuk MBK. Dengan adanya dorongan dan pengetahuan tambahan dari para profesional pendidikan tertentu, seorang guru dapat meningkatkan kepercayaan diri dan kemahiran dalam mengendalikan MBK dengan lebih efisien. Kesannya, perancangan PdP yang terancang dapat dihasilkan.

Tidak dinafikan bahawa penglibatan ibu bapa dalam proses pendidikan MBK juga sangat penting. Guru perlu menjalin hubungan yang baik dengan ibu bapa MBK dan bekerjasama dengan mereka untuk mencapai matlamat pendidikan inklusif. Sebagai contoh, dengan mengadakan pertemuan berkala, berkomunikasi secara teratur melalui surat, pesanan ringkas ataupun e-mel, dan melibatkan ibu bapa dalam proses pengambilan keputusan akan membantu mengeratkan hubungan dan memastikan koordinasi yang efektif antara guru, ibu bapa dan murid. Melalui kolaborasi yang wujud antara guru dan ibu bapa MBK, guru berupaya mendapatkan maklumat terkini berkenaan kondisi mereka atau mengenali personaliti MBK dengan lebih mendalam. Oleh yang demikian, guru dapat mengenalpasti strategi pengajaran yang bersesuaian mengikut keperluan seseorang MBK tersebut.

Secara keseluruhannya, dalam konteks lingkungan pembelajaran yang inklusif, guru harus menciptakan suasana yang mesra dan penuh penghargaan serta sokongan bagi semua murid, tanpa mengira perbezaan keupayaan. Sokongan yang diberikan ini termasuk dari segi emosi dan motivasi yang berterusan. Menerusi strategi pembelajaran yang dipilih, guru juga perlu melibatkan semua

murid dalam aktiviti kelas dan mempromosikan kerjasama, toleransi dan penghargaan antara murid, tidak terkecuali MBK. Maka, MBK dapat meningkatkan keyakinan diri dalam berkomunikasi atau interaksi sosial dan tidak berasa disisihkan oleh rakan-rakan sebaya yang lain kerana kekurangan yang dimiliki.

Justeru, dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengajaran MBK dalam pendidikan inklusif, terdapat beberapa penambahbaikan strategi yang dapat dilakukan oleh guru. Penekanan pada penghayatan keperluan MBK, penggunaan teknologi, penglibatan ibu bapa dan kolaborasi antara guru dan profesional pendidikan khas adalah beberapa aspek yang perlu diperhatikan dalam usaha untuk menambahbaik strategi ini. Penambahan teknologi dalam pengajaran juga dapat memberikan manfaat yang bermakna. Guru dapat menggunakan aplikasi atau 'computer software' yang direka khas untuk memudahkan lagi proses pembelajaran bagi MBK. Misalnya, aplikasi belajar interaktif atau papan tulis digital dapat membantu meningkatkan interaksi dan daya tarikan dalam pengajaran. Teknologi juga dapat membantu dalam menyesuaikan bahan pengajaran dan memberikan sokongan tambahan yang disesuaikan dengan keperluan MBK.

2.3. Pendekatan Pengajaran

Pada masa kini, pendekatan pengajaran oleh guru amat penting untuk kebaikan murid, lebih-lebih lagi ketika berhadapan atau perlu mengajar Murid Berkeperluan Khas (MBK). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat [8], pendekatan merupakan cara atau langkah-langkah yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan sesuatu tugas (cara sesuatu mata pelajaran diajar berdasarkan objektif jangka panjang). Pendekatan pengajaran ini amat penting kerana jika seseorang guru tidak mampu untuk menggunakan pendekatan yang sewajarnya maka pelajar akan hilang minat untuk belajar. Sebagai contoh, bahan bantu mengajar yang tidak menarik minat murid, tidak menepati objektif pengajaran, isi kandungan yang mempunyai organisasi tidak sistematik serta persekitaran pembelajaran yang kurang memuaskan dan memberangsangkan. Oleh itu, guru haruslah mengambil inisiatif atau memainkan peranan dalam menggunakan pendekatan pengajaran yang sewajarnya bagi mengatasi kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Hal ini bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tersebut dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif pengajaran.

Antara langkah pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru untuk mengatasi kelemahan dalam proses pembelajaran adalah dengan menggunakan pendekatan pengajaran yang berpusatkan bahan. Pendekatan ini menekankan perkembangan kognitif, jasmani dan rohani murid. Bahan pengajaran memainkan peranan yang penting dan guru amat bergantung sepenuhnya kepada bahan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, jika penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang dilaksanakan oleh guru dapat memberi impak yang positif kepada murid, maka objektif pelajaran di dalam kelas dapat dicapai. Tambahan pula, penggunaan bahan bantu mengajar dapat membantu MBK untuk memahami konsep yang abstrak dengan lebih jelas. Sebagai contoh, penggunaan bahan bantu mengajar yang boleh diaplikasikan oleh guru untuk MBK yang mempunyai masalah pendengaran ialah bahan bantu mengajar yang berbentuk visual. Umum mengetahui bahawa murid yang mempunyai masalah pendengaran tidak dapat memberikan respon yang positif jika kaedah pengajaran secara tradisional digunakan oleh guru iaitu menggunakan kemahiran menerangkan dan bersoal jawab di dalam kelas. Perkara tersebut sedikit sebanyak akan menyukarkan murid bermasalah pendengaran untuk memahami dan menerima ilmu dengan jelas. Maka, penggunaan bahan visual yang menarik dan unik seperti gambar rajah, graf, peta minda, penyusunan grafik dan sebagainya dapat memberikan informasi yang jelas dan membantu murid untuk memahami sesuatu maklumat yang disampaikan. Jelaslah bahawa, pengaplikasian pendekatan yang berpusatkan bahan oleh guru dapat membantu MBK yang menghadapi masalah pendengaran untuk menimba ilmu dengan mudah dan berjaya dalam pelajaran.

Seterusnya, guru juga boleh melaksanakan pendekatan auditori verbal. Pendekatan ini merupakan satu kaedah dimana murid yang bermasalah pendengaran diajar untuk menggunakan pendengaran mereka bagi mendalami bahasa pertuturan melalui alat pendengaran. Murid diajar bertutur dengan menekankan kemahiran mendengar dari saki baki pendengaran secara lebih berkesan dengan penggunaan alat bantuan pendengaran dan menggunakan deria yang ada seperti deria sentuh dan deria lihat. Dalam erti kata lain, kaedah pembelajaran auditori ini berkisar dari belajar dengan rakaman suara hingga dapat menghafal perbendaharaan kata. Umum mengetahui, murid yang mempunyai masalah pendengaran ini sulit untuk mempelajari sesuatu benda dan kebanyakan daripada mereka

tidak dapat berbicara atau berkomunikasi dengan baik. Selain itu, mereka juga sukar untuk belajar bahasa menyebabkan kurangnya kosa kata yang diketahui. Hal ini akan memberi impak kepada prestasi akademik mereka. Oleh itu, dengan pendekatan auditori verbal ini dapat membantu murid meneruskan pembelajaran seperti murid normal dan dapat menikmati persekitaran dan kehidupan yang biasa.

Akhir sekali, pendekatan yang berpusatkan murid juga boleh digunakan oleh guru untuk mengatasi kelemahan dalam proses pembelajaran. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada perkembangan pembelajaran murid dimana ia memberi peluang kepada murid untuk meneroka ilmu baru dan menentukan jenis pengetahuan mereka. Menurut Indek and Aida [9] mendefinisikan strategi pengajaran berpusatkan murid sebagai pengambil alihan tugas atau tanggungjawab daripada guru oleh murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan pengajaran ini dapat menggalakkan peningkatan ilmu pengetahuan, perasaan, kesedaran sendiri dalam diri MBK terutamanya yang mempunyai masalah pendengaran. Sebagai contoh, pelaksanaan kaedah pembelajaran secara sendiri iaitu *Non-Directive Teaching Model* merupakan kaedah yang digunakan untuk membantu MBK pendengaran untuk berfikir secara kritis dan kreatif bagi memaksimumkan kebolehan mereka yang sedia ada. Guru akan bertindak sebagai pemudah cara dalam membimbing MBK pendengaran mengenai topik yang dipelajari. Memandangkan mereka sukar untuk berkomunikasi jadi dengan kaedah ini memberi peluang kepada mereka untuk berinteraksi dengan rakan-rakan yang menghadapi masalah sama untuk berbincang dengan kebolehan dan kepakaran yang mereka ada. Hal ini supaya mereka tidak rasa terpinggir dan mampu untuk mengeluarkan idea sendiri tanpa bantuan guru. Dengan interaksi sosial tersebut mereka tidak akan mudah rasa bosan untuk belajar. Tambahan pula, ia dapat meningkatkan kemahiran kehidupan seharian khususnya persekitaran di luar yang memerlukan mereka berkomunikasi dan bersosialisasi dengan masyarakat atau komuniti yang besar [10].

2.4. Teknik-Teknik PDPC Khas

Pendekatan pedagogi Inklusif yang bersesuaian untuk murid berkeperluan khas (MBK) di sekolah-sekolah di Malaysia tidak boleh dipandang enteng oleh pihak sekolah. Wujudnya kesedaran yang tinggi dalam kelompok masyarakat sebagai ibu bapa murid yang anaknya merupakan murid berkeperluan khas menjadikan isu ini sebagai isu yang penting untuk diketengahkan. Semua insan yang bergelar murid layak mendapat pendidikan sebaik mungkin tanpa mengira latar belakang serta keupayaan fizikal dan kognitifnya. Teknik-teknik yang bersesuaian terutamanya untuk MBK yang mempunyai masalah pendengaran amat kritikal untuk digunakan di dalam kelas inklusif agar semua pelajar dalam kelas tersebut mendapat pemahaman yang sama rata. Jadi, dengan adanya kelas inklusif ianya dapat memberikan peluang kepada murid berkeperluan khas dalam menimba ilmu di sekolah tanpa adanya diskriminasi terhadap murid tersebut.

Pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran pemudahcaraan (PdPc) khususnya untuk MBK yang mempunyai masalah pendengaran telah diperkenalkan oleh guru di seluruh Malaysia dalam mengendalikan kelas inklusif. Antara teknik yang selalu digunakan adalah teknik tunjuk cara. Guru boleh menggunakan teknik tunjuk cara dalam melakukan PdPc di dalam kelas inklusif. Teknik ini sudah lama diperkenalkan dan digunakan dalam kelas inklusif dan kelas pendidikan khas. Teknik ini dikatakan berkesan dalam mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran pemudahcaraan (PdPc) lebih-lebih lagi untuk MBK masalah pendengaran. Teknik ini membiasakan MBK untuk mengikuti prosedur yang telah ditetapkan semasa membuat sesuatu aktiviti. Sebagai contoh, semasa melakukan aktiviti berkebun, murid diajar cara untuk berkebun menggunakan alatan yang berkesesuaian. Teknik ini juga memberi peluang kepada MBK terutamanya dalam memahami sesuatu hal yang dipelajarinya ketika di sekolah. Dengan adanya peluang sebegini, mereka tentu sahaja dapat membuktikan kepada guru serta ibu bapa mereka bahawa mereka juga mampu untuk menguasai maklumat serta memprosesnya.

Bukan itu sahaja, teknik yang boleh digunakan oleh guru di dalam kelas inklusif adalah menggunakan bahan bantu mengajar berbentuk visual. MBK yang mempunyai masalah pendengaran tentu sahaja akan lebih fokus di dalam kelas jika slaid pembentangan menarik dipaparkan di dalam kelas. Mereka akan dapat memahami input yang disampaikan dengan baik kerana adanya gambaran yang jelas serta menarik minat mereka untuk memberikan perhatian penuh terhadap apa yang telah disampaikan oleh guru ketika di dalam kelas. Tahap kefahaman mereka tentang sesuatu topik yang tinggi akan membuatkan mereka lebih bersemangat untuk belajar di dalam kelas arus perdana

bersama dengan murid-murid normal yang lain. Selain daripada berasa seronok untuk belajar, mereka juga akan berasa selesa untuk belajar kerana paparan yang disediakan oleh guru membuatkan mereka faham sepenuhnya isi yang disampaikan sama seperti murid yang tiada masalah pendengaran yang lain. Oleh itu, guru mata pelajaran haruslah mengambil inisiatif untuk menyediakan bahan bantu mengajar yang berbentuk visual agar dapat menarik minat MBK untuk menimba ilmu di dalam kelas inklusif.

Akhir sekali, teknik *Gallery Walk* juga merupakan sebuah teknik yang berkesan untuk digunakan dalam melakukan PdPc kelas inklusif. Menurut Siti Aishah Mohd Shariff (2022) [11],[12] berpendapat bahawa teknik ini dapat mengatasi masalah murid bersikap pasif di dalam kelas. *Gallery Walk* merupakan antara satu strategi pengajaran yang sangat sesuai untuk dipraktikkan bagi pembelajaran abad ke 21. Pembelajaran berpusatkan murid ini membolehkan pelajar untuk berhubung secara aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Teknik ini bukan sahaja memfokuskan terhadap murid normal, malah, juga terhadap MBK di dalam kelas. Teknik ini membuatkan pelajar bergerak aktif dalam menyertai aktiviti kelas sambil menimba ilmu. Guru bertindak sebagai pemantau dapat melahirkan sikap berdikari dalam diri murid dan tidak terkecuali untuk MBK. Tentu sahaja guru boleh membantu jika murid berkeperluan khas yang memerlukan bantuan ataupun sukar untuk memahami input yang disampaikan. Oleh yang demikian, teknik ini dilihat sebagai salah satu teknik yang berjaya menarik minat murid inklusif dalam menimba ilmu di sekolah.

Justeru, di sini dapat dilihat bahawa pentingnya teknik-teknik yang sesuai untuk dijalankan semasa PdPc di dalam kelas inklusif. Dengan wujudnya suasana pembelajaran inklusif, MBK menjadi lebih tertarik untuk belajar dan ke sekolah kerana teknik yang digunakan bertepatan dengan ciri murid. Oleh itu, guru perlulah sentiasa optimis dan sentiasa mencuba untuk mencari kaedah yang berkesesuaian agar semua pelajar di dalam kelas dapat memahami input yang disampaikan oleh guru secara keseluruhan tanpa mengira latar belakang dan kebolehan murid.

2.5. Susun Atur Kelas

Susun atur kelas pendidikan inklusif merujuk kepada cara pengaturan kelas yang membolehkan murid berkeperluan khas (MBK) belajar bersama-sama dengan murid biasa dalam satu kelas. Konsep Program Pendidikan Inklusif (PPI) adalah selaras dengan pernyataan dalam Peraturan- Peraturan Pendidikan (pendidikan Khas) 2013 seperti di bawah: “Program Pendidikan Inklusif” yang bermaksud suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan khas yang dihadiri oleh murid berkeperluan khas bersama-sama dengan murid-murid lain dalam kelas. Persekitaran dan suasana bilik darjah yang sesuai dengan bilangan pelajar misalnya hanya 30 orang sahaja ditempatkan dalam setiap kelas atau dikurangkan lagi bagi memastikan pencapaian pelajar yang lebih baik.

Antara isu pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif di Malaysia yang melibatkan susun atur kelas ialah pengurusan bilik darjah. Pelaksanaan PPI memerlukan pengurusan bilik darjah yang efektif di mana jumlah murid dalam suatu kelas arus perdana terlalu ramai, guru kurang memberi fokus utama kepada MBK dalam kelas tersebut. Hal ini mempengaruhi keadaan murid MBK bahkan menyebabkan mereka ketinggalan dalam proses PdP. Perkara yang paling mengkusarkan apabila guru arus perdana itu sendiri belum menguasai sepenuhnya kaedah atau teknik khusus sekiranya murid MBK terdapat di dalam. Susun atur bilik darjah juga kurang sesuai bagi memenuhi keperluan MBK di dalam kelas tersebut.

Seterusnya, sekiranya terdapat murid Sindrom Down (*Down Syndrome*), PdP yang tersusun seperti aktiviti dalam kumpulan yang kecil dalam tiga hingga empat orang murid dalam satu kumpulan dijalankan bagi menggalakkan kemahiran interaksi antara murid dan membantu mereka memahami pergaulan sosial berdasarkan kaedah berikut. Kedudukan MBK di dalam kelas perlu diberikan keutamaan dan pengawasan lebih berbanding murid-murid biasa dengan meletakkan mereka secara susun atur di tengah kelas khas MBK yang mempunyai masalah pendengaran.

Faktor keselesaan yang mempengaruhi pencapaian murid sama ada secara langsung atau sebaliknya antaranya susun atur meja, kerusi dan peralatan. Minat murid untuk belajar timbul melalui persekitaran bilik darjah yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan serta cara penyusunan dan keceriaan kelas. Di samping itu, membantu pelajar mengaplikasikan setiap kemudahan yang disediakan dengan baik. Sesi pengajaran dalam bilik darjah yang berkesan mempunyai kesinambungan dengan suasana bilik darjah yang mana tidak kurang pentingnya pengaruh berkenaan terhadap murid-murid. Suasana bilik darjah yang dimaksudkan mestilah bilik darjah berwarna-warni,

selesa, riang dan terdapat interaksi antara tenaga pengajar dan anak murid supaya perasaan seronok untuk belajar sentiasa hadir dalam diri anak murid.

Berdasarkan beberapa kajian yang telah diteliti oleh beberapa pakar dan penganalisis menunjukkan kemudahan infrastruktur di beberapa sekolah dalam kawasan kajian disediakan lebih sistematik oleh pihak sekolah sebelum menerima kehadiran murid-murid. Kehadiran Murid Berkeperluan Khas di aliran perdana dipertingkat dari semasa ke semasa dipengaruhi oleh kapasiti dan bentuk kemudahan yang sepatutnya ada di sekolah tersebut. Kemudahan seperti susun atur perabot dan bilik darjah diubah suai dan kemudahan terpenting bagi memudahkan pergerakan murid-murid untuk ke tandas, kantin dan kelas seperti penyediaan susur landau atau ramp serta susur tangga atau lebih dikenali sebagai railing. Kemudahan seperti yang dinyatakan khas bagi MBK yang berkerusi roda bertujuan membantu mereka menyesuaikan diri di sekolah aliran perdana dengan lebih mudah. Oleh itu, keperluan dari segi aspek fizikal dan peralatan diberi keutamaan bagi menyokong pembelajaran MBK.

Model pengajaran stesen pendekatan salah satu model yang dikemukakan bagi memastikan pembelajaran stesen ini sentiasa aktif. Susun atur kelas dalam pengajaran stesen dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian yang dikenali sebagai stesen. Bilangan stesen adalah mengikut kandungan dan objektif pengajaran yang hendak dicapai. Setiap stesen akan menjalankan pengajaran yang berbeza daripada segi tajuk, kandungan dan strategi pengajaran bergantung juga kepada keperluan murid. Guru boleh memilih untuk berada di stesen yang memerlukan pemahaman, tumpuan dan penerangan yang lebih serta penerangan yang sama boleh diberikan kepada kumpulan yang berbeza. Guru yang mahir dalam sesuatu stesen boleh bekerjasama dengan guru atau pembantu untuk menguruskan stesen. Hal ini bagi memudahkan pengajaran dijalankan supaya mudah diikuti oleh murid.

Pelaksanaan model ini mudah dijalankan sekiranya murid mengikuti prosedur dan arahan yang telah ditetapkan. Pergerakan mereka antara satu stesen dengan stesen yang lain mengikut perancangan dan susun atur kandungan pelajaran yang telah ditetapkan oleh guru. Murid-murid akan mendapat lebih manfaat apabila berada dalam stesen kerana pemahaman mereka terhadap kandungan pelajaran perlu dicapai sebelum bergerak ke stesen yang lain. Perkara ini memerlukan guru merancang bersama dengan lebih baik agar MBK tidak bergerak sendirian. Terdapat pelbagai peluang bagi guru untuk mendekati dan mengenali muridnya ketika pelaksanaan model pengajaran stesen dilakukan. Hal ini sangat penting dalam membentuk situasi yang lebih selesa dan selamat bagi MBK.

3. Metodologi

Kajian ini memfokuskan kepada pengurusan strategi dan teknik PdPc bagi murid berkeperluan khas yang memiliki ketidakupayaan pendengaran. Kaedah yang digunapakai bagi pengkaji untuk memperoleh dapatan maklumat berkenaan kajian tentang isu strategi dan teknik PdPc bagi murid berkeperluan khas adalah dengan kaedah kajian pustaka.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1. Dasar-Dasar Pendidikan Inklusif

Terdapat beberapa dasar yang berkaitan dengan pendidikan inklusif. Antaranya ialah Dasar Program Pendidikan Inklusif, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025) [13] menyatakan bahawa Kementerian beriltizam untuk memperbaiki Program Pendidikan Inklusif secara holistik dengan meningkatkan jumlah murid berkeperluan khas ke dalam Program Pendidikan Inklusif. Inisiatif ini merupakan salah satu strategi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menjayakan pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif secara sistematik dan tersusun. Bukan itu sahaja, menurut Deklarasi Antarabangsa, Program Pendidikan Inklusif merupakan satu pendekatan pendidikan yang terbaik bagi murid berkeperluan khas.

Kenyataan Salamanca *Statement and Framework for Action on Special Needs Education* (UNESCO 1994) iaitu “*Regular schools with an inclusive orientation are the most effective means of combating discriminatory attitudes, creating welcoming communities, building an inclusive society and achieving education for all.....*” dikatakan mendukung prinsip Pendidikan Untuk Semua atau *Education for All* (EFA). Prinsip ini menerangkan bahawa kanak-kanak berkeperluan khas mempunyai hak untuk mendapat pendidikan yang sama rata dan berkualiti menerusi Pendidikan Inklusif. Dalam erti kata lain, tiada diskriminasi guru sepatutnya berlaku dalam sesi PdPc melibatkan murid berkeperluan khas. Figura guru memainkan peranan signifikan dalam memastikan murid

berkenaan tidak merasa rendah diri atau wujud perbezaan dengan rakan-rakan seusia di kelas arus perdana. Melalui penterjemahan dasar ini, pendidikan inklusif merupakan alternatif terbaik dalam mengatasi sikap diskriminasi terhadap murid berkeperluan khas (MBK) dalam kalangan guru aliran perdana. Tambahan lagi, guru aliran perdana memainkan peranan yang penting dalam memvariasikan aktiviti dalam PdPc.

Antara contoh yang boleh diambil adalah pembelajaran yang menggalakkan kolaboratif dan koperatif antara pelajar atau murid bagi mewujudkan interaksi yang seimbang antara mereka. Pembelajaran ini mampu meningkatkan kemahiran komunikasi serta memberikan keyakinan yang tinggi kepada murid berkeperluan khas. Kaedah seperti ini juga dikatakan boleh membuka mata pelajar atau murid yang lain untuk memupuk sikap menghargai orang lain. Hal ini dikatakan sedemikian kerana setiap individu mempunyai pendapat atau pandangan masing-masing terhadap sesuatu perkara. Secara tidak langsung, perbincangan ini berupaya mewujudkan komunikasi terbuka terhadap murid berkeperluan khas dengan rakan-rakan yang lain.

4.2. Sokongan Luar

Bagi memastikan matlamat Program Pendidikan Inklusif (PPI) untuk membantu murid-murid berkeperluan khas (MBK) mendapatkan kesamarataan dalam konteks akademik tercapai, sokongan luar jelas sekali memainkan peranan yang sangat penting. Hal ini demikian kerana PPI tidak seharusnya bersandarkan kepada para guru dan pihak sekolah semata-mata, namun ianya juga memerlukan sokongan yang berterusan daripada pihak luar termasuklah ibu bapa dan masyarakat supaya dapat dilaksanakan dengan jayanya dan membantu mengatasi beberapa cabaran yang timbul.

Dalam konteks ini, kesemua pihak perlu berganding bahu bagi memotivasikan dan meringankan beban MBK dari segi fizikal dan emosi, agar mereka dapat menjalani proses pembelajaran dengan lebih selesa dan efektif. Kolaborasi yang wujud antara pihak sekolah dan sokongan luar yang terdiri daripada ibu bapa dan masyarakat sekeliling berupaya menjayakan matlamat pendidikan inklusif untuk memberikan pendidikan yang sama rata kepada golongan MBK, selari dengan murid arus perdana, dan memberikan peluang untuk mereka belajar dalam suasana atau keadaan yang kondusif.

4.3. Sokongan Ibu Bapa

Pertama sekali, ibu bapa MBK berperanan penting sebagai agen penggerak untuk membantu merealisasikan pelaksanaan PPI, begitu juga dengan ibu bapa MBK ketidakupayaan pendengaran. Dalam konteks ini, ibu bapa perlulah sentiasa mengikuti perkembangan anak-anak dan mengambil alternatif bersesuaian untuk membantu mereka menjalani kehidupan seharian dengan selesa. Sebagai contoh, membawa anak-anak mereka menjalani kelas khusus yang diperlukan seperti kelas bahasa isyarat, kelas pertuturan kiu (cued-speech) dan sebagainya lagi yang relevan bagi membantu mereka mengurangkan isu komunikasi. MBK ketidakupayaan pendengaran juga boleh diasah dan dilatih untuk teknik bacaan bibir semasa berkomunikasi dengan individu yang lain. Kesannya, MBK dapat membina dan memantapkan kepercayaan diri supaya mereka dapat mencapai potensi yang optimum. Memang tidak dapat dinafikan bahawa peranan ibu bapa atau penjaga adalah penting dan mencabar, terutamanya ketika titik peralihan kritikal dalam kehidupan MBK tersebut.

Ibu bapa MBK ketidakupayaan pendengaran juga perlu mendedahkan anak-anak mereka dengan interaksi sosial bermula dari peringkat awal, sama ada dengan ahli keluarga, rakan sebaya, mahupun masyarakat sekeliling agar mereka mudah bergaul dan mampu membawa diri dengan baik. Keyakinan diri yang dipupuk dapat melancarkan lagi pendidikan inklusif kerana mereka akan berasa lebih selesa, fokus dan aktif ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di bilik darjah. Mereka juga dapat berkomunikasi dengan selesa bersama rakan-rakan yang lain dalam bilik darjah arus perdana dan meneruskan pendidikan inklusif tanpa rasa rendah diri disebabkan oleh ketidakupayaan yang dimiliki. Cabaran untuk berinteraksi antara golongan MBK dan murid normal yang lain juga dapat dikurangkan. Menurut Seriyayuna [14], murid yang mengalami masalah pendengaran yang mengikuti pendidikan inklusif mendapat peluang untuk berinteraksi dengan murid sebaya yang lain dan membolehkan mereka lebih bersedia untuk menceburi dunia pekerjaan selepas tamat pengajian formal.

Ibu bapa juga perlu mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan MBK ketidakupayaan pendengaran seperti keperluan pendidikan, rawatan atau program intervensi supaya mereka lebih peka dengan keadaan semasa MBK. Mereka seterusnya lebih mudah berkomunikasi dan memahami anak-anak MBK ketidakupayaan pendengaran dengan cekap. Ibu bapa juga boleh

memberikan sumbangan menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) mahupun sumbangan persendirian bagi membantu pihak sekolah menguruskan MBK ketidakupayaan pendengaran dengan lebih baik dari segi peruntukan dana atau kos.

4.4. Sokongan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Agensi Kerajaan

Selain sokongan penuh yang diberikan oleh pihak sekolah untuk MBK ketidakupayaan pendengaran, pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga berperanan penting dalam usaha membantu menyediakan sistem persekitaran, pembelajaran dan aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan MBK agar mereka berupaya untuk menuntut ilmu dengan selesa serta dapat mencapai potensi diri secara optimum.

Guru-guru berkenaan juga boleh diberikan latihan atau kursus bersesuaian untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang tinggi dalam menguruskan MBK ketidakupayaan pendengaran dalam pendidikan inklusif. Dengan adanya sokongan yang dihulurkan oleh pihak kerajaan atau KPM ini sama ada dari segi moral mahupun bantuan fizikal, pihak sekolah dapat menguruskan pendidikan inklusif bagi MBK ketidakupayaan pendengaran dengan lebih efisien. Sebagai contohnya, pihak kerajaan boleh menyokong MBK ketidakupayaan pendengaran dengan memberi sumbangan dari segi kewangan, fasiliti atau kemudahan relevan yang diperlukan untuk mengurangkan beban mereka dalam pembelajaran seperti alat bantuan mendengar dan alat pembesar suara.

4.5. Sokongan Agensi Bukan Kerajaan (NGO)

Akhir sekali, NGO turut memainkan peranan yang penting dalam membantu merealisasikan Program Pendidikan Inklusif (PPI) secara meluas di Malaysia. Antara NGO yang bergiat aktif termasuklah Malaysian Care, yang telah diwujudkan sejak 1979, memperuntukkan Pusat Taman Asuhan bagi murid-murid ketidakupayaan pendengaran di sekolah-sekolah khas. Dalam konteks ini, keprihatinan masyarakat setempat terhadap MBK seperti ketidakupayaan pendengaran jelas dapat dilihat.

Oleh yang demikian, NGO yang terdapat di Malaysia boleh berganding bahu untuk menyokong dan membantu pihak sekolah menguruskan MBK ketidakupayaan pendengaran, begitu juga dengan MBK yang terdiri daripada pelbagai kategori yang lain terutamanya dari segi bantuan kewangan. Hal ini kerana tidak semua sekolah mampu dan mempunyai dana yang secukupnya untuk menyediakan fasiliti atau kemudahan yang diperlukan oleh setiap MBK kerana kosnya yang agak tinggi. Antara sokongan yang dapat diberikan termasuklah sumbangan peralatan bantuan seperti Implan Koklea untuk kegunaan MBK ketidakupayaan pendengaran. Tidak semua sekolah yang menjalankan PPI mampu menyediakan implan koklea bagi setiap MBK ketidakupayaan pendengaran, justeru, bantuan sokongan ini membolehkan MBK tersebut belajar dalam keadaan yang kondusif dan efektif.

4.6. Cadangan Penambahbaikan

Pendidikan Inklusif adalah suatu program pendidikan yang memberi peluang kepada murid-murid berkeperluan khas untuk mengikuti pembelajaran sepenuhnya dalam kelas arus perdana bersama dengan murid arus perdana. Lazimnya, murid pendidikan khas akan mengikuti pendidikan inklusif sama ada secara inklusif penuh ataupun inklusif separa. Inklusif penuh adalah di mana murid berkeperluan khas yang mempunyai masalah pendengaran ini akan mengikuti pembelajaran bersama-sama dengan murid perdana secara sepenuh masa. Dalam pada itu, pendidikan inklusif separa pula adalah penglibatan murid berkeperluan khas yang belajar secara separa bukan akademik dan separa akademik bersama-sama dengan murid aliran perdana. Berdasarkan pada Model Holistik Pendidikan Inklusif (2018) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Khas di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, pendidikan inklusif telah menyasarkan kaedah perlaksanaan secara amnya iaitu inklusif penuh dan inklusif separa. Walau bagaimanapun, setelah dasar advokasi inklusif ini diperluaskan, peranan guru di arus perdana dan guru pendidikan khas berubah kepada pengajaran secara berkumpulan di dalam kelas yang sama. Perkara ini memerlukan komitmen dan kredibiliti yang tinggi daripada guru aliran perdana dan guru pendidikan khas. Oleh hal yang demikian, terdapat cadangan penambahbaikan untuk mengendalikan murid berkeperluan khas yang mengalami masalah pendengaran dalam kelas inklusif.

Pengetahuan keadaan dan teknik pengajaran guru kelas inklusif perlu dipertingkatkan dengan menambahbaik sistem dan meningkatkan pemahaman guru tentang kepentingan menjalankan inklusif dengan kaedah pengajaran yang efektif untuk semua murid pendidikan khas dan murid aliran perdana bagi masalah perdana. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkara ini menuntut tenaga pengajar di

kelas inklusif mempraktikkan amalan pengajaran secara bersama untuk mengajar dua jenis kategori murid di kelas inklusif iaitu murid aliran perdana dan murid pendidikan khas. Sebagai contoh, guru dari aliran perdana boleh dihantar ke kursus bagi mengendalikan murid berkeperluan khas terutamanya yang mempunyai masalah pendengaran untuk menambah pengetahuan dan kepakaran mereka dari aspek penyediaan BBM seperti tulisan Braille dan kemahiran bahasa isyarat. Kemudahan dalam konteks penyediaan BBM ini juga diperlukan oleh MBK yang mengalami masalah pendengaran. Perkara ini sekaligus dapat melahirkan modal insan yang berminda kelas pertama. Tuntutan amalan pengajaran bersama pendidikan khas ini adalah selaras dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menambahkan enrolmen MBK di kelas inklusif melalui PPPM 2013 – 2025.

Selain itu, guru juga hendaklah memahami dasar pendidikan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, jurang pemahaman dasar KPM yang berbeza dalam kalangan guru yang mengajar kelas inklusif terhadap murid berkeperluan khas dari aspek pendengaran tiada kesamarataan dalam hak pembelajaran bagi mereka serta memberi impak terhadap amalan pengajaran bersama pendidikan inklusif. Sebagai contoh, guru yang tidak menguasai kandungan ilmu dalam mata pelajaran yang akan diajar, dan tidak berusaha untuk menambah kemahiran untuk mengajar murid yang mengalami masalah pendengaran, ini akan menyukarkan lagi aktiviti penyampaian sesuatu input. Tambahan pula, aktiviti pengaplikasian teori pertumbuhan dan perkembangan manusia juga akan terbantut akibat daripada perkara tersebut. Berdasarkan agenda penting ini, guru dinobatkan sebagai golongan yang terlibat secara langsung untuk melaksanakan daya usaha dan pendekatan dari segi pengajaran dalam meningkatkan kualiti pendidikan serta memastikan pelajar yang berkeperluan khas dari aspek pendengaran ini mampu memperoleh hasil-hasil pembelajaran yang maksimum. Oleh itu, para guru perlu lebih kreatif serta inovatif dalam memastikan sistem penyampaian menjadi efektif, menarik, menyeronokkan dan dapat merangsang minat pelajar untuk belajar.

Seterusnya, seperti yang kita sedia maklum dalam revolusi industri 3.0, teknologi merupakan elemen yang penting dalam mendidik murid yang berkeperluan khas di arus perdana. Penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran boleh meningkatkan lagi kefahaman dan penguasaan seseorang individu terutamanya bagi murid berkeperluan khas. Pihak sekolah boleh memberi peruntukkan dalam bantuan peralatan atau fasiliti mengikut keperluan murid. Contohnya bagi murid masalah pendengaran, pihak sekolah boleh menyediakan peralatan seperti alat bantuan pendengaran, mikrofon dan pembesar suara untuk memudahkan aktiviti pdpc. Perkara ini membolehkan murid untuk mengetahui sebarang info yang dinyatakan oleh guru dengan cepat dan terkini. Hal ini akan membuatkan murid untuk berasa seronok ketika mempelajari sesuatu input yang disampaikan oleh guru sekaligus meningkatkan tahap fokus mereka. Seperti yang dinyatakan dibahagian strategi, penggunaan alat interaktif seperti papan tulis digital dapat membantu meningkatkan interaksi dua hala antara guru dan murid serta menarik minat mereka dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Menurut, Shulman (1987)[15] , seorang guru harus mempunyai teras pengetahuan mengajar yang bermaksud segala jenis pengetahuan yang perlu ada pada seseorang guru untuk mengajar dengan berkesan dalam bidang pelajarannya di sekolah. Natijahnya, penggunaan teknologi mampu membantu dalam menyesuaikan bahan pengajaran dan memberikan sokongan tambahan yang disesuaikan dengan keperluan MBK serta melahirkan individu yang cemerlang dan tersohor di seantero dunia.

Lazimnya, cadangan bagi amalan pengajaran ini mampu memberi impak yang positif terhadap prestasi akademik MBK di kelas inklusif. Sehubungan itu, guru memainkan peranan penting untuk menggunakan pengetahuan pedagoginya dengan baik agar proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan sempurna. Oleh hal yang demikian, beberapa perkara perlu dititikberatkan untuk menambah baik pendidikan inklusif ini bagi mencapai sasaran KPM dalam kemenjadian MBK. Strategi dan teknik Pdpc yang penting dalam amalan pengajaran bersama seperti kaedah pengajaran selari, komunikasi, hubungan aplikasi dan asas pengajaran Bersama hendaklah diasah hingga ke akar umbinya. Hal ini dikatakan demikian kerana, faktor- faktor dalam penyampaian maklumat oleh guru hendaklah dilaksanakan dengan baik bagi meningkatkan lagi tahap kepuasan kerja guru. Peningkatan dan tanggungjawab guru yang responsive ini secara langsung memberi kesan positif terhadap kemenjadian MBK yang ditempatkan di kelas inklusif.

5. Kesimpulan

Tuntasnya, Pendidikan inklusif membuktikan pendekatan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berusaha untuk memberi hak sama rata kepada setiap warga dan rakyat Malaysia. Kurikulum Kebangsaan digunakan untuk mengajar murid berkeperluan khas (MBK) yang mengikuti program pendidikan inklusif. Ini bermakna pendidik mesti mempunyai kemahiran untuk menggunakan pedagogi pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan MBK yang ada di kelas.

Penyelidik pedagogi inklusif berpendapat bahawa tiada pedagogi yang khusus untuk MBK kecuali untuk murid kurang upaya pendengaran atau penglihatan. Namun, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan oleh guru menentukan kesesuaian pengajaran dari segi hasil yang dapat dilihat oleh setiap pelajar MBK. Sebagai contoh, pelajar berkeperluan khas dengan masalah pendengaran memasuki kelas perdana dan mendapat sokongan tambahan daripada guru pakar masalah pendengaran. Cara guru mengajar menentukan sama ada pengajaran itu inklusif atau tidak. Untuk memastikan pelajar dengan masalah pendengaran tidak terpinggir dengan kehadiran guru pakar tambahan, pendekatan pengajaran berkumpulan oleh guru pakar boleh memberi manfaat. Di sini, guru bekerjasama untuk memastikan tiada pelajar yang terpinggir di dalam kelas.

MBK didedahkan dengan pelbagai perkara bagi memberi peluang kepada mereka untuk meluaskan lagi potensi dalam diri mereka selari dengan anak-anak muda yang lain. Hal ini kerana, pencapaian MBK dapat dilihat dan ramai kanak-kanak MBK telah membuktikan kejayaan mereka dalam pelbagai bidang di mata dunia tidak kira bidang sukan mahupun akademik. Antaranya ialah Qayyum Nizar, seorang MBK yang telah dinobatkan sebagai Johan Qari Peringkat Kebangsaan pada 2021 dan telah memenangi beberapa tilawah Al-Quran yang disertai sejak di bangku sekolah lagi. Ini salah satu bukti bahawa dengan sokongan dan pengajaran yang baik oleh guru-guru mampu meningkatkan kualiti setiap pelajar tidak kira jenis kemampuan yang dimiliki oleh mereka.

Strategi pengajaran guru dalam pendidikan inklusif tidak terhad kepada perkara-perkara yang telah dibincangkan, malah pelbagai pendekatan boleh diambil kira oleh setiap pihak yang terlibat. Seperti yang kita sedia maklum, terdapat MBK dikelaskan di arus perdana bersama para pelajar yang lain. Oleh itu, setiap pendekatan yang diambil oleh guru perlulah diambil kira dengan lebih teliti sebelum membuat suatu keputusan. Walaupun pelajar MBK ditempatkan sekali bersama pelajar arus perdana yang lain, ini tidak bermaksud guru-guru perlu memberi layanan yang sama rata terhadap pelajar MBK tersebut. Hal ini kerana, pelajar MBK perlu sentiasa diberi perhatian khusus kerana mereka memerlukan tunjuk ajar dan perhatian sewajarnya selain dibekalkan dengan bahan bantu mengajar yang efektif.

Antara strategi yang berkesan juga ialah mengenal dan mengambil tahu tentang murid MBK serta menyediakan proses PdP yang berpusat kepada setiap murid termasuk murid MBK. Hal ini disebabkan, MBK merupakan pelajar istimewa yang mampu belajar dan bersosial seperti kanak-kanak yang lain. Malah, elemen penyertaan bersama antara MBK dan murid arus perdana dapat menyesuaikan diri dengan murid arus perdana melalui aktiviti berpasukan. Ini penting untuk meningkatkan kemahiran kehidupan harian mereka, terutamanya dalam persekitaran di luar sana yang memerlukan mereka berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain. Akan tetapi, keistimewaan yang dimiliki memerlukan guru-guru melakukan strategi yang berkesan bagi membolehkan PdP berjalan dengan lancar di samping memberi pendedahan pengajaran sama rata kepada setiap murid di dalam kelas.

Akhir kata, semua pihak mesti menunjukkan sokongan dan bekerjasama untuk memastikan PPI berjaya mencapai matlamatnya. Selain itu, masyarakat mesti memahami bahawa PPI bukan sekadar menempatkan MBK di kelas arus perdana semata-mata tetapi juga memberikan mereka peluang kejayaan yang similar seperti pelajar biasa di arus perdana. Mereka juga perlu diberi peluang untuk mengasah bakat terpendam dan menimba ilmu pelajaran meskipun mempunyai masalah pendengaran. Sementara itu, untuk mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan sejahtera, kejayaan MBK termasuk peningkatan pencapaian akademik, keyakinan diri dan keupayaan untuk bekerja sendiri bersama pelajar biasa. Ilmu yang dipelajari dan disertai dengan kemahiran bersosial bagi MBK membolehkan mereka hidup berdikari tanpa memerlukan pertolongan dari sesiapa. Pelbagai peluang yang diterap di sekolah adalah bermanfaat dan dapat membantu MBK dalam persekitaran kerja yang mencabar kelak. Pendidikan inklusif ini memberi mereka peluang untuk hidup dalam masyarakat sebenar, yang akan membantu mereka melatih diri untuk bersedia pada masa depan.

Rujukan

- [1] Z. A. Aziz, *Cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pendidikan inklusif di kalangan murid implan koklea*. International Conference on Special Education in Southeast Asia Region (ICSAR) 9th 2019, 562-675, Universitas Pendidikan Indonesia, 2019.
- [2] R. N. Sidek and B. Daman, *Kajian ke arah peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan inklusif*. International Conference on Special Education in Southeast Asia Region (ICSAR) 9th 2019, 571-579, Universitas Pendidikan Indonesia, 2019.
- [3] Kementerian Hukum Malaysia, Akta 685 Undang-Undang Malaysia, Kuala Lumpur, 2008.
- [4] Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pelan Strategik Pembestarian Sekolah 2016 – 2020*. Kuala Lumpur: Malaysia, K. P. Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014.
- [5] H. A. Wahab, Keselamatan Sosial pekerja Polisi dan Perundangan chapter 4, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.
- [6] Primus, V. Wheelervon, and M. Mosin, “Pengurusan perancangan dan strategi pentaksiran bilik darjah dan strategi pentaksiran bilik darjah murid berkeperluan khas dalam program pendidikan inklusif di Program Pendidikan Khas Integrasi daerah Keningau,” *Jurnal ILMI*, vol. 12, no. 1, pp. 109-118, 2022.
- [7] Bahagian Pendidikan Khas, *Garis manduan Program Pendidikan Inklusif murid berkeperluan khas. Edisi 2018. cetakan pertama*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018.
- [8] Dewan Bahasa dan Pustaka, *Pendekatan. Dalam Kamus Dewan (Edisi Ke-4)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021.
- [9] E. Indek and A. H. A. Hamid, “Amalan pengajaran bersama pendidikan inklusif dan hubungannya dengan kepuasan kerja guru di sekolah daerah Penampang Sabah,” *Jurnal Dunia Pendidikan*, vol. 3, no. 4, pp. 309-328. 2022.
- [10] J. L. Guan and I. M. Omar, “Kesediaan guru arus perdana dan keberkesanan program pendidikan inklusif sekolah jenis kebangsaan (Cina) di Ampang, Selangor,” *Jurnal kepimpinan pendidikan*, vol. 9, no. 1, pp. 44-55, 2022.
- [11] S. A. M. Shariff, “Amalan aktiviti berpusatkan murid dalam proses pembelajaran sains di kalangan murid berkeperluan pendidikan khas menggunakan kaedah gallery walk,” *Pendidikan Khas dan Inklusif*, vol. 1, 2022.
- [12] H. Haris and K. F. Khairuddin, “Pelaksanaan pedagogi inklusif bagi murid berkeperluan khas masalah pembelajaran,” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, vol. 6, no. 2, pp. 197-210, 2021.
- [13] Kementerian Pendidikan Malaysia, *Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012.
- [14] S. S. Zubir, “Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Khas di Malaysia dan Amerika Syarikat Satu Kajian Perbandingan.” *Jurnal al-Sirat*, vol. 1, no. 18, pp. 1-15, 2019.
- [15] L. S. Shulman, “Knowledge and Feelings: Foundation of the new reform,” *Howard Educational Review*, vol. 15, no. 2, pp. 4-14, 1987.